

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2016

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah deposit yang telah dibayar oleh consortium Iskandar Waterfront (IWH) dengan China Railway untuk membeli 60% Bandar Malaysia. Adakah deposit ini “refundable” dan adakah IWH mampu membayar RM7.4 bilion walaupun nilai aset bersih IWH adalah tak sampai RM3.5 bilion.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada 31 Disember 2015, satu Perjanjian Jual Beli Saham (*Share Sale and Purchase Agreement*, dengan izin) di antara TRX City Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd) dan Iskandar Waterfront Holdings Berhad (IWH) bersama China Railway Engineering Corporation Sdn Bhd (CREC) telah dimeterai bagi penjualan 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB).

Perjanjian Jual Beli Saham ini adalah hasil daripada pelaksanaan *Request for Proposal* (dengan izin) yang telah dilancarkan pada Jun 2015 oleh penasihat urus niaga, iaitu CH Williams Talhar & Wong (WTW). IWH dan CREC telah membida sebagai sebuah konsortium (60:40) untuk tujuan pembangunan Bandar Malaysia.

IWH, pemaju utama bagi bahagian *Flagship A* Koridor Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Iskandar merupakan perkongsian awam-swasta antara Credence Resources Sdn Bhd (60%) dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (40%) yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Johor. IWH memiliki sekitar 4,300 ekar tanah tepi laut yang bernilai tinggi di Iskandar Malaysia.

CREC pula adalah salah satu daripada firma kejuruteraan dan pembinaan yang terbesar di dunia dan turut terlibat dalam industri pengilangan, pembangunan hartanah, sumber asli dan bahan mineral. CREC kini berada di tangga 71 dalam Fortune 500 dengan perolehan melebihi USD100 bilion setahun.

Berdasarkan kepada Perjanjian Jual Beli Saham tersebut, deposit yang diterima untuk penjualan 60% kepentingan ekuiti BMSB adalah sebanyak RM 741 juta. Terdapat syarat atau terma yang perlu dilaksanakan oleh kedua belah pihak (atau dikenali sebagai *Condition Precedents*) dalam masa yang telah ditetapkan sebelum perjanjian tersebut dapat disempurnakan sepenuhnya.